

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN IR. SHAHARUDDIN ISMAIL
[KANGAR]**

**TARIKH JAWAPAN : 30 OKTOBER 2014 (KHAMIS)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan langkah bagi mengatasi krisis tenaga yang dijangka melanda negara jika rizab tenaga di loji tenaga semakin menyusut dan sekaligus mengganggu operasi industri pembuatan dan perkhidmatan.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua

1. Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) mempunyai mekanisme yang khusus iaitu Jawatankuasa Perancangan dan Pelaksanaan Pembekalan Elektrik dan Tarif (JPPPET) untuk menangani sebarang krisis tenaga yang bakal timbul sekiranya rizab tenaga semakin menyusut dan mengganggu industri pembuatan dan perkhidmatan.
2. JPPPET yang dipengerusikan oleh Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air adalah bertanggungjawab ke atas perancangan pembekalan tenaga elektrik serta hala tuju industri bekalan elektrik negara, yang merangkumi Semenanjung, Sabah dan Sarawak. JPPPET ini melibatkan semua pihak yang berkepentingan termasuk Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), PETRONAS dan lain-lain.

3. KeTTHA melalui JPPPET sentiasa berusaha supaya keselamatan sistem pembekalan elektrik dipatuhi berdasarkan kriteria *Loss of Load Probability* (LOLP) iaitu 1 hari/setahun bagi Semenanjung dan 1.5 hari/setahun bagi Sabah. Di samping itu, dengan mengambilkira saiz dan *maturity*, dengan izin, sistem Grid Nasional, kadar *reserve margin* yang selesa yang telah dikenalpasti adalah pada kadar 25%. Dalam hal ini, kadar *reserve margin* bagi Semenanjung bagi tahun 2014 adalah sebanyak 24%.

4. JPPPET juga membincangkan Pelan Pembangunan Penjanaan Semenanjung dan Sabah untuk diguna pakai bagi tujuan tindakan jangka pendek serta perancangan jangka sederhana dan panjang sehingga tempoh 20 tahun akan datang. Semakan perancangan pembekalan elektrik ini dilakukan 2 hingga 3 kali setahun untuk mengemas kini pelan pembekalan elektrik dengan mengambil kira isu-isu semasa seperti permintaan elektrik semasa, harga bahan api, prestasi loji-loji sedia ada dan sebagainya.

5. Berdasarkan perancangan dan pembangunan infrastruktur-infrastruktur berkaitan serta langkah-langkah-langkah seperti penetapan *reserve margin*, Kementerian akan memastikan supaya bekalan elektrik adalah sentiasa mencukupi dan percaya bahawa sebarang krisis tenaga

dapat ditangani dan dibendung bagi mengelakkan sebarang gangguan kepada industri pembuatan dan perkhidmatan.